

## Sistem Parti dan Kesan Domino Pemansuhan Enakmen Anti-Lompat Parti: Konflik dalaman UMNO Sabah Pasca PRU ke-14 dan ke-15

### *Party System and Domino Effect of Abolishing The Anti-Party Hopping Enactment: UMNO Sabah Intra-Party Conflict GE-14 and GE-15*

SHAFIRUL AZMI SUHAIMI<sup>1</sup>, MOHD SABRI MD NOR<sup>2\*</sup> & KU HASNITA KU SAMSU<sup>3</sup>

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,  
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

Corresponding author : msabri@upm.edu.my

Received: 23 September 2025      Accepted: 06 January 2026

#### Abstrak

Makalah ini ditulis melalui pandangan naratif untuk mengenal pasti kesan domino terhadap konflik dalaman parti politik United Malay National Organization (UMNO) Sabah pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 dan Ke-15. Apabila rejim BN jatuh, hegemoni UMNO di peringkat federal telah berakhir malah ia turut melibatkan hilangnya kuasa di beberapa negeri termasuk Sabah. Parti Warisan Sabah (Warisan) berjaya membentuk kerajaan negeri, UMNO mengalami kesuraman politik dan ramai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mereka telah keluar parti mencari peluang untuk bersama blok kerajaan. Kesan defeksi legislatif ini berterusan pada pasca PRU ke-15 apabila usaha UMNO Sabah untuk menarik kembali sokongan terhadap kerajaan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) telah gagal. Tindakan ini akhirnya membawa kepada perpecahan dalaman parti dan merubah kedudukan UMNO Sabah menjadi pembangkang di Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerangka teori institusionalisasi parti dan *party system closure* (PSC) disandarkan bagi menilai kestabilan parti yang kukuh dan lemah. Kajian kes ini menganalisis kandungan kronologi sebagai pendekatan utama dengan analisa kaedah kualitatif berbentuk deskriptif-interpretatif melalui sumber sekunder termasuk kepustakaan, kandungan media berwibawa dan jurnal akademik yang relevan sebagai bahan dan teknik pengumpulan serta pentafsiran data. Dapatan daripada kajian ini adalah kesan domino yang disebabkan pemansuhan enakmen anti-lompat parti oleh UMNO pada 1995 yang menyebabkan gelombang defeksi dirasai oleh mereka pada masa kini. Fenomena ini dianggap sebagai rantaian tindakan yang menyebabkan sistem politik tidak stabil, menjejaskan peluang UMNO memperolehi kuasa dan membentuk konflik dalaman parti sendiri. Ia diringi perubahan struktur *patronage* politik dan kerjasama gabungan kuasa yang mencair. Oleh itu langkah pelaksanaan anti-lompat parti adalah penting dan tepat pada masanya agar peristiwa defeksi legislatif pasca pilihan raya tidak lagi berlaku. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam tentang dinamika politik Sabah dan memperkukuhkan hujah keperluan perundangan anti-lompat parti sebagai mekanisme penting bagi menstabilkan dan membangunkan institusi parti serta memulihkan kepercayaan awam bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sabah yang akan datang.

Kata kunci: Kesan Domino; Sistem Parti; Anti-Lompat Parti; Konflik Dalaman Parti; UMNO Sabah

*Abstract*

*This paper adopts a narrative perspective to examine the domino effect of intra-party conflict within United Malay National Organization (UMNO) Sabah in the aftermath of Malaysia's 14th and 15th General Elections. The fall of the Barisan Nasional (BN) regime marked the end of UMNO's federal hegemony, accompanied by the loss of power in several states including Sabah. Parti Warisan Sabah (Warisan) successfully formed the state government while UMNO entered a period of political decline with many of its State Assembly Members (ADUNs) defecting in search of opportunities to align with the ruling coalition. The consequences of these legislative defections continued beyond GE15 when UMNO Sabah's attempt to restore its support for the Gabungan Rakyat Sabah (GRS) government, failed. This development triggered internal party fragmentation and repositioned UMNO Sabah as the opposition in the State Legislative Assembly (DUN). Theoretical frameworks on party institutionalization and party system closure (PSC) are employed to assess the strength and weakness of party stability. This case study applies a chronological content analysis as the main approach using a descriptive-interpretive qualitative method based on secondary source including scholarly literature credible media content and relevant academic journals for data collection and interpretation. The findings reveal that the domino effect originated from UMNO's repeal of the anti-party hopping enactment in 1995 which has led to recurring waves of defections in the present. This phenomenon is conceptualized as a chain reaction that destabilizes the political system undermines UMNO's prospects of regaining power and exacerbates its internal conflict. It is further reinforced by shift in the structure of political patronage and the dilution of coalition-based power-sharing. This study argues that the enactment of anti-party hopping law is both timely and necessary to prevent post-electoral legislative defections. It contributes to a deeper understanding of Sabah's political dynamics and strengthens the case for anti-defection laws as a vital mechanism for stabilizing and consolidating party institutions while restoring public trust ahead of the upcoming Sabah State Legislative Assembly Election.*

*Keywords: Domino Effect; Party System; Anti-Party Hopping Law; Intra-party Conflict; Sabah UMNO*

## **Pengenalan**

Sejak tahun 1955 sehingga tahun 2018, United Malay National Organization (UMNO) merupakan parti paling berjaya, berpengaruh dan penting di Malaysia.<sup>1</sup> Parti ini juga dikenali sebagai *Grand Old Party* yang mana ia telah ditubuhkan tahun 1946 sebelum kemerdekaan Tanah Melayu lagi.<sup>2</sup> Penguatan parti etnik yang terbesar di Tanah Melayu pada ketika itu diteruskan dengan gabungan bersama etnik Cina melalui parti Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC) melalui gabungan Parti Perikatan secara konsensus untuk memenangi Pilihan Raya Persekutuan tahun 1955.<sup>3</sup> Gabungan parti ini diperlukan disebabkan Tanah Melayu mempunyai tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India.

Hegemoni UMNO semakin terserlah di mana selama 6 dekad, ia berjaya mengukuhkan kedudukan dalam kerajaan melalui siri pilihan raya yang memihak kepada Barisan Nasional (BN). Penguasaan UMNO sebagai ketua gabungan dalam BN bertambah meluas di mana selepas pembentukan Malaysia pada 1963, BN telah berjaya meluaskan pengaruhnya di Sarawak dan Sabah dengan menggabungkan parti-parti tempatan dan melalui kemasukan UMNO ke Sabah pada tahun 1991.<sup>4</sup> Walaupun di Sarawak, UMNO tidak mewujudkan cawangan atau bahagian di negeri itu,

namun penguasaan mereka terhadap parti gabungan tempatan sangat kuat kerana segala keputusan berkaitan parti dilakukan oleh pusat di Kuala Lumpur. Berbeza dengan Sabah kemasukan UMNO ke Sabah adalah atas dasar penerimaan parti tempatan iaitu United Sabah National Organization (USNO) sendiri. Bermula dari sekadar cadangan ia dapat direalisasikan akibat dari pergeseran dan keluarnya Parti Bersatu Sabah (PBS) yang merupakan parti tempatan terbesar bumiputera bukan Islam dari gabungan BN sebelum pilihan raya. Usaha untuk membawa UMNO ke Sabah dilakukan dalam tiga fasa iaitu pertama, tahun 1976 selepas kekalahan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) dalam pilihan raya, pemimpin muda USNO Dzulkiflee Abdul Hamid mencadangkan penukaran nama UMNO kepada *United Malaysia Native Organization*. Kedua, tahun 1986 selepas BERJAYA tewas kepada PBS kali kedua, hasrat ini terpaksa ditangguhkan sementara akibat konflik dalaman UMNO pusat antara kumpulan A (Mahathir) dan kumpulan B (Razaleigh) dan ketiga, pada 9 Mac 1991, usaha ini berjaya dilaksanakan dengan kemasukan ahli USNO secara besar-besaran ke dalam UMNO dan penubuhan Jawatankuasa Penaja di 20 kawasan dengan Tun Ghafar Baba sebagai Ketua Perhubungan dan Tun Mustapha sebagai Timbalan Ketua Perhubungan.<sup>5</sup>

BN hampir mencapai kejayaan dalam pilihan raya negeri Februari 1994 dengan memenangi 23 daripada 48 kerusi dewan negeri. BN akhirnya membentuk kerajaan pada 17 Mac 1994 selepas beberapa ahli dewan negeri pembangkang beralih sokongan kepada BN.<sup>6</sup> Peristiwa 1994 sebenarnya boleh dijangka walaupun enakmen anti-lompat parti di Sabah dilaksanakan tahun 1988 namun Mahkamah Agung pada tahun 1992 telah membatalkannya dan tidak sah kerana ia dirujuk bersama dengan kes lain yang serupa di Kelantan. Keputusan mahkamah ini menjadi *precedent* yang kuat kerana menegaskan bahawa sebarang undang-undang diperingkat negeri yang menghalang seseorang wakil rakyat menukar parti adalah tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Ia berlandaskan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak kebebasan berserikat.<sup>7</sup>

Sebenarnya sebagai kerajaan yang dinaungi oleh parti gabungan terbesar iaitu BN meletakkan negeri Sabah dan Sarawak sebagai *fix deposit* penting kepada mereka malah saban tahun peruntukan pembangunan sangat tinggi berbanding negeri yang lain. Tugas BN di Sabah dan Sarawak menekankan peranan pembangunan dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya.<sup>8</sup> Peranan keahlian parti UMNO di Sabah sedikit unik dan sedikit berbeza dari ahli UMNO di Malaysia Barat di mana hanya orang Melayu dan beragama Islam sahaja boleh menjadi ahli UMNO. Berbeza dengan Sabah, kemasukan UMNO ke Sabah membawa kepada penerimaan ahli bukan Islam daripada masyarakat peribumi, walaupun dalam praktiknya, ini tidak banyak mengubah identiti parti tersebut.<sup>9</sup>

Apabila BN menguasai kerajaan negeri Sabah, Mahathir sebagai Perdana Menteri pada ketika itu telah mencadangkan sistem penggiliran Ketua Menteri di antara komponen parti BN selama 2 tahun dengan UMNO akan diberi kelebihan untuk memegang jawatan itu sebanyak dua kali.<sup>10</sup> Ini dilakukan bagi menjaga kepentingan imej parti UMNO selain mengawal konflik antara parti berlaku yang melibatkan perebutan jawatan Ketua Menteri. Walau bagaimanapun, hegemoni UMNO Sabah semakin terserlah apabila Musa Aman memegang jawatan Ketua Menteri Sabah selama enam penggal bermula 2003 sehingga 2018.<sup>11</sup> Peranan Musa Aman dianggap sangat penting kerana pengukuhan parti UMNO di Sabah juga dapat meyakinkan UMNO pusat untuk terus berkuasa walaupun di peringkat federal terdapat konflik besar berlaku sejak tahun 1998 berikutan pemecatan Anwar Ibrahim dan beberapa siri merundumnya undi rakyat pada siri pilihan raya selepas itu terhadap parti BN. Pengukuhan BN tidak berpanjangan apabila pada tahun 2018 ketika Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU ke-14), Sabah tidak lagi dilihat sebagai kubu kuat BN yang sebelum ini menyumbang secara signifikan kepada kekuatan BN atau UMNO.<sup>12</sup> Runtuhnya hegemoni UMNO di peringkat federal ini telah menyumbang kepada permasalahan baharu iaitu konflik dalaman parti yang disebabkan oleh sistem penaungan yang dicipta oleh UMNO sendiri selain demi kelangsungan hidup ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) terutamanya di Sabah untuk terus berkuasa.

Kajian menunjukkan bahawa kecenderungan untuk bertukar parti sangat bergantung pada struktur kekangan dan peluang yang ada. Ahli politik sering cenderung memilih laluan ini apabila ia lebih menguntungkan, berdasarkan motivasi dasar dan aspirasi peribadi mereka.<sup>13</sup> Perbincangan di bahagian dapatan menjelaskan tentang tiga bahagian utama. Pertama, mengenai konflik dalaman parti politik yang di sebabkan oleh *Party Swithing* yang disulami dengan defeksinya ADUN UMNO. Kedua, mengenai kronologi berkaitan enakmen perlembagaan anti-lompat parti di Sabah. Ketiga, mengenai kerangka teori dan jangkaan yang menjelaskan tentang hubungan *Party System Closure* (PSC), Institusionalisasi parti dan gelombang kesan domino terhadap UMNO sejak 1995 sehingga 2023 di Sabah.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan memberi tumpuan kepada analisis kandungan kronologi sebagai kerangka utama. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji menelusuri perkembangan konflik dalaman UMNO Sabah dalam rentang masa yang panjang (1991-2023) serta menghubungkannya dengan pemansuhan enakmen anti-lompat parti. Sumber data terdiri daripada dokumen sekunder yang diperolehi melalui bahan kepustakaan, laporan rasmi, rekod parlimen dan DUN, media berwibawa, serta artikel akademik yang relevan. Pemilihan data sekunder ini adalah sejajar dengan pendekatan kualitatif yang mengutamakan pemahaman mendalam terhadap peristiwa politik dan implikasi institusionalisasinya.

Teknik analisis yang digunakan adalah analisis kualitatif berbentuk deskriptif-interpretatif. Analisis ini menekankan kepada penstrukturan kronologi peristiwa penting yang berkaitan dengan alam lompat parti serta kesannya terhadap dinamika politik Sabah. Data dianalisis dengan cara membandingkan maklumat daripada pelbagai sumber bagi membentuk tafsiran yang konsisten sekaligus menekankan dimensi kesan domino dalaman parti. Melalui pendekatan ini, kajian berupaya meneliti bukan sahaja peristiwa defeksi ADUN tetapi juga bagaimana faktor sejarah, struktur perundangan serta konfigurasi *patronage* politik membentuk pola konflik dalaman parti UMNO Sabah.

## **Konflik Dalaman Parti**

Secara asasnya, konflik bermaksud perselisihan atau pertentangan antara individu, idea atau melibatkan kepentingan berbeza.<sup>14</sup> Parti Politik pula adalah pertubuhan yang berdaftar dengan mengumpulkan individu atau kumpulan yang mempunyai visi dan misi yang sama untuk memperolehi kuasa pemerintahan. Apabila ia dinamakan sebagai konflik dalaman parti politik, ia menjelaskan tentang permasalahan dalaman yang dihadapi oleh individu atau kumpulan di dalam parti politik itu sendiri. Ia selari dengan hujah sarjana yang lepas bahawa konflik merujuk kepada pertentangan yang timbul antara individu atau kumpulan tertentu. Pertentangan ini termasuklah perselisihan pendapat atau penentangan terhadap individu atau kumpulan yang berada dalam kedudukan berkuasa.<sup>15</sup>

Konflik ini boleh menjadi lebih rumit apabila pertentangan dalaman parti membawa kepada perpecahan kumpulan dan mampu mempengaruhi kestabilan kerajaan. Daripada perspektif antropologi, konflik secara umumnya dilihat sebagai satu daya yang merosakkan yang boleh membawa kepada ketegangan, keganasan dan peperangan.<sup>16</sup> Dengan itu, pentadbiran yang berkesan oleh kerajaan bergantung kepada perpaduan dalam parti politik. Apabila parti-parti terpecah secara dalaman, ia menghalang kemampuan kerajaan untuk menangani krisis luaran dengan segera dan melaksanakan reformasi yang diperlukan.<sup>17</sup> Namun pendapat ini dapat disangkal dengan

meletakkan konflik dalaman adalah elemen penting dalam demokrasi berpartisan untuk mengukuhkan perundangan asas yang dapat menyelesaikan pertikaian antara kepuakan dalam parti atau menangani pelanggaran hak ahlinya.<sup>18</sup>

Untuk membincangkan mengenai parti politik, ia tidak lari dari struktur organisasi parti dan pengisian jawatan ahli di dalamnya. Kepentingan setiap unit dan sub-unit dalam kumpulan diwujudkan mengikut keperluan organisasi tersebut. Hubungan kerjasama atau konflik dalam organisasi boleh mempengaruhi sehingga ke peringkat hubungan antara parti. Walaupun parti mungkin dilihat bersatu namun mereka sering terbahagi kepada pelbagai kumpulan kecil atau sub-unit. Kumpulan kecil yang berbeza dari struktur dan ciri-ciri ini biasanya dirujuk sebagai kepuakan dalam parti.<sup>19</sup> Kenyataan ini dapat dijelaskan dengan lebih lanjut di mana konflik dalaman sering berlaku pada pelbagai peringkat, seperti ketidakpuasan hati ahli terhadap cawangan, perselisihan semasa kongres parti mengenai dasar atau pemilihan kepimpinan, corak pengundian yang tidak konsisten dalam kalangan ahli legislatif serta ketegangan antara kumpulan parlimen dan menteri-menteri kerajaan.<sup>20</sup> Konflik dalaman parti sangat mempengaruhi posisi polisi mereka sama ada pendekatan pilihan raya, kadar kejayaan dan tingkah laku dalam membina pakatan.<sup>21</sup>

Konflik bukan hanya terjadi di kalangan ahli parti malah merebak ke ADUN parti tersebut sehingga menyebabkan perpecahan di kalangan mereka. Pertikaian dalaman parti boleh wujud dalam tiga bentuk iaitu perpecahan dalam pengundian parlimen, ahli parlimen yang bertukar sokongan dan perpecahan parti itu sendiri.<sup>22</sup> Pasca PRU ke-15 memperlihatkan defeksi yang melibatkan ADUN UMNO yang berbelah bahagi menolak dan menerima keputusan kepimpinan parti. Pengkaji melabel dua kumpulan sebagai entiti yang bertelingkah iaitu kumpulan A yang mewakili kumpulan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah iaitu Bung Moktar Radin dan kumpulan B yang mewakili kumpulan yang menolak keputusan pimpinan UMNO negeri dalam usaha menjatuhkan kerajaan yang mereka bentuk bersama pada pasca Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Ke-16 (PRU DUN ke-16) di Sabah tahun 2020. Perpecahan UMNO Sabah yang disebabkan oleh sokongan yang berbeza terhadap GRS ini dizahirkan semasa pembahagian kedudukan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di mana kumpulan A yang bersama dengan Bung Moktar dipindahkan ke bahagian pembangkang manakala kumpulan B yang bersama Shahelmey kekal bersama kerajaan GRS.<sup>23</sup> Pertentangan di antara dua kumpulan ini menunjukkan pertembungan di antara aspek kesetiaan parti dan kestabilan kerajaan negeri. Fenomena ini mencerminkan interaksi kompleks antara cita-cita individu, perubahan ideologi serta tekanan persekitaran politik yang sangat kompetitif.<sup>24</sup>

Konflik dalaman di kalangan anggota gabungan boleh merosakkan hubungan gabungan dan seterusnya mengancam status-quo masing-masing. Hakikatnya, semua pihak dalam parti politik bersaing untuk mendapatkan pengaruh dan ini boleh membawa kepada tindakan khianat, sikap tidak jujur dan pelbagai tindakan negatif lain dalam kalangan ahli parti.<sup>25</sup> Oleh itu bagi memahami konflik dalaman parti politik dengan lebih spesifik, kajian ini tertumpu kepada parti UMNO sejak masuk ke Sabah sehingga pasca PRU ke-15. Pengkaji mendapati konflik dalaman parti UMNO Sabah ini didorong oleh pemansuhan enakmen berkaitan anti-lompat parti tahun 1995 yang menyebabkan faksi atau perpecahan dalaman berlaku yang membawa kepada defeksi ADUN UMNO di Sabah.

### **Enakmen Anti-lompat Parti di Sabah**

Sabah merupakan wilayah yang telah melaksanakan anti-lompat parti yang pertama di Malaysia. Kerajaan negeri pada masa itu di bawah kepimpinan parti PBS setelah memenangi pilihan raya negeri 1986 telah membuat pindaan terhadap Enakmen Perlembagaan Negeri Sabah melalui Perkara 18(2)(d). Pindaan yang telah diperkenankan oleh Yang di-Pertua Negeri ini telah menetapkan

bahawa mana-mana ADUN yang meninggalkan parti tempat mereka dipilih untuk menyertai parti lain perlu meletakkan jawatan mereka dan perlu diadakan semula pilihan raya kecil di kawasan tersebut.<sup>26</sup> Pindaan ini diperkenalkan supaya Sabah mempunyai perundangan bagi mengelakkan ADUN di kalangan parti politik mengamalkan sikap tidak beretika yang kerap bertukar parti demi kepentingan material, ganjaran dan kuasa sebagai balasan kepada kesetiaan politik mereka. Ia juga dilakukan di atas faktor ketidaktentuan politik negeri pasca pilihan raya negeri tahun 1985 di mana PBS yang memenangi sebanyak 25 kerusi daripada 48 kerusi yang dipertandingkan pada ketika itu mengalami tempoh konflik yang didorong oleh BN melalui Berjaya dan USNO sehingga pilihan raya negeri luar jangka atau *snap election* pada tahun 1986 terpaksa dilakukan.<sup>27</sup> PBS berjaya menguasai semula kerajaan negeri dengan memenangi 34 kerusi yang mengesahkan mereka memperolehi lebih dua pertiga iaitu 32 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan.

Peruntukan yang terdapat pada perkara 18(2)(d) Enakmen Perlembagaan Negeri Sabah ini bukanlah mengenakan tindakan secara automatik terhadap ADUN yang menyokong parti lain selain parti yang disertainya. Menurut peruntukan tersebut ia memberi kesan kepada kerusi sebagai Ahli Dewan menjadi kosong apabila beliau bersara atau dipecat atau atas apa sebab sekalipun tidak lagi menjadi ahli parti politik yang disertainya sebelum itu.<sup>28</sup> Oleh itu, jika terdapat ADUN yang menyokong selain dari parti yang mereka sertai akan menjadikan mereka dikenakan tindakan disiplin dan akan dipecat yang akan mengaktifkan peruntukan perlembagaan ini terhadap mereka.

Namun begitu, peruntukan enakmen ini telah mengalami pindaan sekali lagi pada tahun 1995 semasa pemerintahan Tun Mustapha. Ini terbukti terdapat ADUN Sabah dahulu yang cuba untuk menukar parti perlu mengosongkan kerusinya terlebih dahulu. Pada awal 1990-an, Tun Mustapha terpaksa melepaskan kerusi Usukan apabila beliau berpindah dari parti USNO ke UMNO dan ini mengakibatkan pilihan raya kecil diadakan.<sup>29</sup> Setelah Tun Mustapha berjaya mengekalkan semula kerusi selepas pilihan raya, beliau telah mencadangkan melalui perkara 11/1995 Enakmen Perlembagaan Negeri Sabah yang memansuhkan enakmen perkara 18(2)(d) untuk membolehkan 11 ADUN USNO yang lain dapat berpindah menjadi ADUN UMNO. Pada tahun 1995, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu membatalkan perkara 18, Artikel 2(d) Perlembagaan Negeri Sabah berkaitan dengan membenarkan mana-mana ADUN untuk berpindah parti secara sah.<sup>30</sup> Tindakan memansuhkan enakmen ini akhirnya memberi kesan terhadap UMNO apabila selepas tiga dekad UMNO memerintah di Sabah, kepentingan enakmen ini yang dinafikan oleh UMNO Sabah telah menyebabkan fenomena defeksi ADUN UMNO dan peluang melakukan *party swiching* pada pasca PRU ke-14 dan PRU ke-15.

Pada masa kini, interaksi di antara federal-negeri dapat dilihat lulusnya pindaan berkaitan anti-lompat parti. Bagi peringkat persekutuan pindaan Perlembagaan Persekutuan 2022 (Art. 49A) jelas mewajibkan kerusi dikosongkan jika ahli parti politik meletak jawatan atau meninggalkan partinya atau jika calon bebas menyertai parti selepas dipilih. Pengecualian diberi apabila ahli dipecat oleh parti atau jika berlaku penggabungan atau pembubaran parti. Kuasa penentuan awal terletak pada Speaker Dewan Rakyat yang kemudian merujuk kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk diadakan Pilihan Raya Kecil (PRK). Peruntukan ini berkuatkuasa pada 5 Oktober 2022 dan tidak terpakai secara retrospektif terhadap tindakan sebelum tarikh tersebut.<sup>31</sup>

Di peringkat Sabah, pindaan berkaitan anti-lompat parti diluluskan (Enakmen 2023) pada 25 Mei 2023. Prinsipnya hamper sama dengan persekutuan iaitu ADUN yang keluar parti atau melanggar syarat keahlian akan kehilangan kerusi. Namun terdapat perbahasan penting di mana kerajaan negeri mengecualikan enam ADUN lantikan daripada peruntukan ini kerana mereka dikatakan tidak mewakili kawasan pilihan raya sedangkan pembangkang berpendapat pengecualian tersebut melemahkan tujuan asal undang-undang. Perkara ini menjadi perdebatan kerana ketika 'Langkah Kinabalu' apabila UMNO Sabah cuba menarik semula sokongan terhadap GRS,

rancangan tersebut dilihat gagal akibat defeksi dalaman UMNO Sabah sendiri dan juga kelebihan ADUN lantikan yang dilantik oleh GRS pada pasca PRU DUN ke-16. DUN Sabah mempunyai 79 kerusi termasuk enam ADUN dilantik dan pihak yang ingin membentuk kerajaan perlu mendapat sekurang-kurangnya 40 kerusi. Ini bermaksud ADUN lantikan layak untuk mengundi dan memilih bersama dalam pembentukan kerajaan.<sup>32</sup>

Sejak pindaan Perlembagaan Persekutuan (A1663) berkuat kuasa, kebolehan ahli parlimen untuk menukar parti berada di bawah rejim kawalan yang lebih rapi. Namun, variasi negeri khususnya Sabah tahun 2023 yang menuntut perincian skop dan pengecualian (termasuk kedudukan ADUN lantikan). Ketiadaan kekangan yang setara sebelum 2023 menjelaskan tettingkap peluang bagi aktor politik yang *office-seeking* semasa episod tahun 2018 hingga 2023 berlaku.

### **Kerangka Teori dan Jangkaan**

Dalam memahami konflik dalaman parti ini dan hubungannya dengan kesan domino ini, perlulah menelusuri aspek sistem parti terlebih dahulu. Oleh itu pengkaji ingin menjelaskan mengenai institusionalisasi parti bagi menguatkan pemahaman hubungan berkaitan di antara parti dan sistem parti. Perkara utama dalam institusionalisasi parti adalah kestabilan persaingan antara parti dan kedalaman akar umbi parti dalam masyarakat.<sup>33</sup> Oleh itu penjelasan mengenai persaingan antara parti memberikan hujahan bahawa sesuatu sistem mempunyai sekurang-kurangnya mempunyai dua elemen asas iaitu sistem parti perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya dua parti dan kedua, konsep interaksi yang berpola merujuk kepada adanya corak tertentu dalam agihan sokongan pilihan raya dari masa ke semasa. Ketiga, idea sistem membawa kepada wujudnya kesinambungan dalam komponen yang membentuknya. Oleh itu, sistem parti menekankan adanya kesinambungan dan penginstitutionan parti politik sebagai sebahagian daripada struktur politik.<sup>34</sup>

Sebenarnya sistem parti adalah berada pada tahap yang berbeza dari segi penginstitutionannya dan tahap ini tidak semestinya bergantung kepada bilangan parti atau polarisasi politik. Jumlah bilangan parti yang banyak bukannya skala untuk menentukan institusionalisasi parti itu tinggi, ia ditentukan oleh lemah atau kuatnya sistem parti itu dengan sistem parti itu. Jika seorang penganalisis menilai sistem parti hanya bersandarkan kepada jumlah parti yang wujud, maka semua negara berbilang parti akan dilihat sama sahaja. Namun begitu, hakikatnya ia dapat dikenal pasti di antara sistem parti yang lemah dari segi institusionalisasi dengan sistem parti yang kukuh. Oleh itu, terdapat dua bentuk kaedah untuk melabel sistem yang tidak kukuh iaitu pertama, apabila sistem parti tidak kukuh keputusan pilihan raya akan menjadi sukar dijangka. Keadaan ini boleh menjejaskan kestabilan dan kekuatan rejim kerana parti politik kurang berakar kukuh dalam masyarakat. Kedua, kelemahan tahap penginstitutionan parti akan merencatkan mekanisme akauntabiliti pilihan raya. Dalam kebanyakan sistem demokrasi, parti politik berfungsi sebagai saluran utama untuk memastikan wakil rakyat bertanggungjawab kepada pengundi mereka.<sup>35</sup>

Manakala *Party System Closure* (PSC) yang diperkenalkan oleh Mair merujuk kepada keadaan apabila sistem parti dianggap tertutup ia dilihat sebagai sebuah 'Institusi yang kukuh'. Dalam sistem ini, mereka yang relevan terlibat berkaitan politik sama ada pengundi, elit politik mahupun aktivis, menyedari bahawa mencabar parti politik yang kukuh atau yang telah menjadi kerajaan atau sebarang usaha merombak pakatan politik yang kukuh akan memberikan implikasi kewangan kos yang tinggi. Justeru, mereka terpaksa menyesuaikan tingkah laku politik dengan mengikut tanpa melawan hinggalah pembubaran kerajaan menjelang PRU yang akan datang. Selain itu dalam PSC sebarang perubahan dalam konteks sosial lazimnya berlaku melalui saluran di luar sistem parti atau secara perlahan-lahan mengubah parti utama dari dalam organisasi parti itu sendiri.<sup>36</sup>

Ia bertepatan dengan dinamika politik yang berlaku di Sabah, kejatuhan rejim UMNO (BN) di federal dan Sabah pada PRU ke-14, penarikan kerjasama UPKO dalam pakatan BN untuk mencukupkan bilangan kerusi bersama Warisan, keluarnya beramai-ramai ADUN UMNO meninggalkan UMNO Sabah dan Musa Aman dan perpecahan UMNO Sabah pasca PRU ke-15 hasil interaksi penarikan kerjasama BN-GRS oleh Bung Moktar menunjukkan hubungan antara parti melemah atau Mair menyifatkannya sebagai PSC yang terbuka. Idea mengenai PSC ini diperkenalkan sebagai cara untuk menekankan tentang aspek kestabilan hubungan antara parti dan tidak menggambarkan seberapa kerapnya hubungan parti itu berlaku.<sup>37</sup> Komponen utama PSC merujuk kepada tiga perkara iaitu pertukaran dalam kerajaan, formula pemerintahan dan akses kepada kerajaan. Jadual 1 menunjukkan komponen PSC yang merangkumi struktur persaingan yang dilabelkan dalam bentuk tertutup dan terbuka.

Jadual 1: Komponen *Party System Closure (PSC)*

Komponen	Struktur persaingan	
	Tertutup	Terbuka
Pertukaran dalam kerajaan	Keseluruhan / Tiada	Separa
Formula pemerintahan	Biasa	Inovatif
Akses kepada kerajaan	Tertutup	Terbuka

Sumber: Peter Mair (1996).<sup>38</sup>

Sistem parti yang kukuh dikategorikan sebagai tertutup sekiranya pertukaran kerajaan berlaku secara menyeluruh atau tiada langsung, pilihan pemerintahan kekal stabil untuk tempoh masa yang panjang dan kuasa kerajaan hanya berlegar dalam kelompok parti tertentu yang terbatas sahaja. Manakala sistem parti akan melemah apabila ia dikategorikan sebagai terbuka dengan perubahan kerajaan berlaku sebahagian atau separa, tiada konfigurasi pilihan pemerintahan yang stabil dan akses kepada kerajaan diberikan kepada semua parti yang relevan termasuk parti baharu.<sup>39</sup>


Untuk memahami konflik dalaman UMNO Sabah yang tercetus pada pasca PRU ke-15 ini perlu dilihat dari perspektif sejarah yang memangkin kepada faksi di kalangan ADUN Umno ini. Ia dapat dirungkai melalui pemahaman bahawa akibat dari pemansuhan enakmen berkaitan anti-lompat parti yang menyebabkan konflik ini terjadi pada masa kini. Ia secara tanpa sedar disebabkan oleh tiada peraturan yang melarang mana-mana ADUN untuk menyokong atau berpindah parti memudahkan mereka yang kurang bersifat moral yang tinggi atau *loyal* terhadap parti melompat mendapatkan penaungan dari parti lain demi kuasa dan kedudukan.

Pemansuhan enakmen ini pada 1995 dan kesannya pada masa kini boleh disifatkan sebagai kesan domino. Kesan domino dapat dijelaskan melalui punca daripada dua peristiwa unik iaitu yang pertama di dunia baharu dan kedua di dunia lama yang terkait dan berganda secara berterusan oleh reaksi berantai seperti domino.<sup>40</sup> Akibat pemansuhan enakmen ini juga disebabkan oleh struktur politik penaungan dan peluang institusi untuk mendapatkan kuasa dengan memilih bersama kumpulan parti yang lain untuk membentuk kerajaan yang mengakibatkan terjadinya defeksi ADUN berlaku.

Teori kesan domino ini pertama kali diperkenalkan oleh Presiden Amerika Syarikat ke-34 iaitu Dwight David Eisenhower yang bimbang dengan peluasan ideologi komunisme yang merebak sehingga ke Selatan Asia.<sup>41</sup> Kesan domino ini biasanya dipengaruhi oleh faktor politik dan ekonomi. Walaupun begitu terdapat sarjana lepas yang berhujah menyatakan kesan domino dapat dihuraikan dengan lebih efektif melalui politik berbanding ekonomi.<sup>42</sup> Melalui politik, teori demokrasi domino dapat menjelaskan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi akan memberikan kesan kepada

negara jirannya juga untuk mengikuti langkah yang sama dan seterusnya diikuti oleh negara jiran-jiran yang lain, begitu juga sebaliknya.<sup>43</sup> Ini menunjukkan kesan domino boleh memberikan kesan positif dan negatif mengikut dari tindakan awal yang dilakukan oleh pemula atau penggerak kesan domino tersebut. Namun untuk memahami berkaitan ekonomi, contoh terbaik adalah kes berkaitan kemelesetan ekonomi Asia tahun 1997 yang melanda Asia Tenggara apabila kesannya merebak dari Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia dan negara lainnya yang berpunca dari serangan matawang oleh spekulator George Soros.<sup>44</sup>

Secara asasnya, kesan domino ini berpegang kepada satu tindakan yang dilakukan yang dapat memberi kesan yang berpanjangan. Ia dapat dihuraikan melalui contoh blok atau bongkah yang disusun berdiri seperti domino secara berbaris dan dijatuhkan secara berturutan sehingga blok atau bongkah tersebut terjatuh semuanya. Perkaitan kesan domino dengan konflik dalaman UMNO Sabah ini adalah lebih berkaitan kepada perundangan enakmen anti-lompat parti. Perlembagaan yang telah diluluskan tahun 1986, telah dipinda pada tahun 1995 bagi mengukuhkan lagi pengaruh UMNO di Sabah yang kesannya menjatuhkan semula moral kesetiaan dan kestabilan UMNO Sabah sendiri pada pasca PRU ke-14 dan PRU ke-15. Tindakan yang pada awalnya memberikan kelebihan kepada UMNO namun akhirnya memberikan kesan yang negatif terhadap kestabilan institusi parti itu sendiri. Rajah di bawah merujuk kepada mekanisme kesan domino terhadap UMNO di Sabah.



Rajah 1: Mekanisme *Domino Effect* Terhadap UMNO Sabah  
Sumber: Ilustrasi pengkaji berdasarkan teori *Domino Effect*.

Melalui rajah 1, terdapat tiga bongkah yang berbentuk seperti domino yang pada awalnya disusun secara berhampiran di antara satu dengan yang lain. Kesan domino ini hanya boleh diaplikasikan apabila salah satu bongkah tersebut digerakkan atau condong ke arah bongkah yang lain sehingga mengakibatkan gerakan yang membolehkan bongkah yang lain bergerak dan jatuh secara berturutan. Bagi isu di Sabah pergerakan kesan dominonya adalah melalui tiga fasa iaitu pencetus, pengantara dan hasil. Pengkaji mendapati pencetus kepada ketidakstabilan politik di Sabah adalah bermula dari pemansuhan enakmen anti-lompat tahun 1995. Jarak jangka masa dari 1995 hingga kepada 2018 dianggap sebagai tempoh bertenang dan tiada konflik yang besar berlaku yang boleh menggugat politik Sabah. Ini disebabkan pada waktu tersebut politik institusionalisasinya amat kukuh dan stabil. PRU ke-14 telah membuktikan kejatuhan rejim BN dan membuka *party system closure* ke paras yang rendah dan tidak stabil. Ini kerana perantara ketidakstabilan tersebut melibatkan struktur *patronage* yang telah berubah dari satu parti kepada parti lain yang lebih dominan. Begitu juga dengan peluang institusi untuk dilihat kukuh dengan bilangan ahli legislatif yang ramai. Perkara ini hanya terjadi apabila kerajaan tidak dapat dibentuk dan terdapatnya isu *Hung State Assembly* berlaku terutamanya pasca PRU ke-14 antara Warisan-UMNO, tahun 2020 antara

UMNO-Warisan dan pasca PRU ke-15 antara UMNO-GRS. Hasil dari perantara ini maka terbentuklah defeksi ADUN yang mengakibatkan peluang ADUN bertukar parti telah berlaku disebabkan tiada penguatkuasaan yang kukuh berkaitan anti-lompat parti di Sabah. Ia juga disebabkan oleh ahli legislatif yang lebih cenderung untuk berpindah daripada parti kecil ke parti yang besar.<sup>45</sup>

PRU ke-14 telah menutup tirainya dengan memberikan parti Warisan sebagai rakan komponen PH telah berjaya menjatuhkan rejim BN yang sedia ada walaupun pada mulanya diperingkat negeri, keputusan terikat 29-29 seri di antara ADUN BN dan Warisan, Musa Aman sebagai pemimpin UMNO Sabah telah berjaya mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri apabila dua kerusi DUN dari Starsabah memihak kepada beliau. Namun peristiwa perubahan sokongan parti beberapa usaha ADUN parti tempatan yang pada mulanya bergabung dengan BN terutamanya parti United Progressive Kinabalu Organisation (UPKO) telah mencukupi bilangan parti Warisan dengan mengangkat Shafie Apdal sebagai Ketua Menteri untuk membentuk kerajaan baharu. Setelah itu semua ADUN UMNO yang memenangi pilihan raya telah meninggalkan UMNO dan hanya Musa Aman sahaja yang menjadi ADUN tunggal UMNO di Sabah. Musa Aman akhirnya menjadi individu penting dalam siasatan rasuah lampau oleh SPRM yang bernilai lebih dari RM280 juta walaupun dibebaskan dari pertuduhan pada tahun 2020.<sup>46</sup>

Apabila kerajaan PH di peringkat federal telah jatuh kepada pakatan baharu di bawah pimpinan Muhyiddin Yassin iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bersama BN, Musa Aman sebagai ADUN tunggal UMNO Sabah berjaya mengumpulkan Akuan Berkanun atau *Statutory Declaration* (SD) di luar DUN. Fenomena federal ini disebut sebagai “Langkah Shereton” apabila pada Mac 2020 ia telah menyebabkan kejatuhan gabungan rejim Mahathir akibat perpindahan beberapa ahli parti.<sup>47</sup> Musa Aman telah berjaya menimbulkan syak terhadap kestabilan kerajaan Warisan dengan dikatakan beliau telah memperolehi seramai 32 ADUN termasuk sebahagian daripada parti Warisan, PPBM, PKR, UPKO dan Parti Solidariti Tanah Airku (Starsabah) yang memang menyokong Musa dari konflik kejatuhan awal UMNO pasca PRU ke-14 lagi.<sup>48</sup> Pergolakan ini telah menyebabkan Shafie sebagai Ketua Menteri telah membuat permohonan kepada Yang Di-Pertua Negeri iaitu Tun Juhar yang berkenan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) walaupun terdapat bantahan dari kelompok yang menyokong Musa Aman, telah cukup bilangan ADUN untuk mengambil alih negeri atas alasan pembubaran tidak perlu dilakukan disebabkan faktor keselamatan rakyat yang terkait dengan penyebaran wabak Covid-19 pada ketika itu.<sup>49</sup>

Dengan ini, penguasaan kerajaan Warisan telah berakhir pada 30 Julai 2020 iaitu sebelum tempoh habis penggal pemerintahan yang sepatutnya. BN dan PPBM Sabah melalui Gabungan Rakyat Sabah (GRS) pada PRU DUN ke-16 telah berjaya membentuk gabungan secara konsensus untuk membentuk kerajaan. Entiti baharu ini iaitu GRS telah berkembang menjadi gabungan parti tempatan yang besar yang dianggotai oleh beberapa parti tempatan lain berasaskan etnik Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus (KDMR) iaitu PBS dan Starsabah.

Pasca PRU ke-15 pada tahun 2022 membuktikan GRS telah menyertai kerajaan gabungan pimpinan Anwar, yang ditentang hebat oleh Perikatan Nasional (PN) kerana menyatakan bahawa GRS merupakan sebahagian dari parti yang bergabung membentuk dari perikatan parti tersebut. Dalam tempoh beberapa minggu, GRS memutuskan hubungan dengan PN dan PPBM Sabah bertukar menjadi Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan) yang berperanan sebagai parti induk GRS.<sup>50</sup> Dinamika politik Sabah sangat unik dan senantiasa berubah. Elit politik di peringkat ADUN yang telah berjaya memenangi pilihan raya senantiasa mempunyai keinginan untuk mengubah kedudukan mereka di dalam kerajaan negeri walaupun dalam masa yang sama masing-masing duduk bersama dalam gabungan kerajaan. Disinilah kesan B iaitu kesan domino yang kedua apabila konflik antara parti telah terjadi di mana pada Januari 2023, UMNO Sabah bersama pembangkang iaitu Warisan cuba menjatuhkan kerajaan negeri yang diketuai oleh GRS melalui “Langkah Kinabalu” namun

gagal.<sup>51</sup> Kegagalan berlaku disebabkan terdapat kelompok UMNO Sabah yang tidak bersetuju kerjasama untuk menjatuhkan GRS ini berlaku sehingga menyebabkan sidang media yang sepatutnya berlangsung oleh Warisan dan UMNO tidak berjalan seperti yang dirancang. Sebagai tindak balas dari kejadian tersebut, beberapa ADUN dari UMNO dan Warisan telah meninggalkan parti mereka untuk menyertai Gagasan.<sup>52</sup> Walaupun pada asalnya pengerusi UMNO Sabah telah membuat keputusan untuk memberi ruang dan peluang kepada Hajiji untuk menjadi Ketua Menteri. Insiden pasca PRU ke-15 di peringkat federal telah menyebabkan PPBM bukan lagi parti kerajaan dan cubaan menjatuhkan rejim GRS oleh UMNO Sabah dilihat tidak berjaya. Perkara ini menimbulkan kekeliruan masyarakat memandangkan Bung Moktar sendiri yang mencadangkan nama Hajiji sebagai Ketua Menteri Sabah pasca PRU DUN ke-16. Kenyataan ini diperkukuhkan oleh Presiden UMNO Malaysia iaitu;

“...saya dimaklumkan oleh pengerusi UMNO Sabah, YB Datuk Seri Bung Moktar Radin setelah rundingan dibuat di kalangan ADUN-ADUN GRS yang menang, akhirnya bersepakat untuk mencalonkan Datuk Seri Panglima Hajiji Mohd Noor demi memastikan kepentingan rakyat Sabah dapat segera diperjuangkan setelah diabaikan Kerajaan Warisan sebelum ini.”<sup>53</sup>

Namun, awal tahun 2023 pada pasca PRU ke-15 akibat dari penarikan semula kerjasama legislatif terhadap GRS oleh Bung Moktar, terdapat konflik beberapa ADUN UMNO membantah terhadap keputusan Pengerusi UMNO Sabah itu. Ia juga berlaku disebabkan pada ketika ini enakmen anti-lompat parti masih belum diaktifkan semula di Sabah. Tindakan lima ADUN UMNO ini iaitu Shahelmey (Tanjung Keramat), Jasnih Daya (Pantai Dalit), James Ratib (Sugut), Yusof Yacob (Sindumin) dan Arsad Bistari (Tempasuk) telah menyebabkan kerajaan GRS dan Hajiji masih kekal menjadi Ketua Menteri Sabah.<sup>54</sup> Hanya empat ADUN sahaja yang sebenarnya telah memenangi pilihan raya melalui parti UMNO, Yusof Yacob sebenarnya telah memenangi kerusi Sindumin dengan menggunakan parti Warisan dan telah melompat ke parti UMNO dan seterusnya ke GRS demi mengekalkan status-quonya sebagai ADUN blok kerajaan negeri Sabah. Setelah itu, kerajaan GRS yang mengekalkan kuasanya telah mengubah beberapa kedudukan jawatan eksekutif dalam pentadbirannya. Kelebihan yang diperolehi oleh ADUN yang menyokong GRS adalah mereka akan mendapatkan jawatan dan akses lantikan eksekutif atau agensi kerajaan negeri. Ia terbukti apabila kumpulan B ADUN UMNO, mereka ada yang telah dilantik memegang jawatan penting dalam kerajaan. Selain Shahelmey sebagai Ketua Menteri III dan Menteri Kerja Raya Sabah, James Ratib juga telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah. Manakala Yusof Yacob dilantik sebagai Pengerusi Qhazanah Sabah Berhad. Malah seorang lagi ADUN UMNO Sabah yang tidak tersenarai bersama lima ADUN UMNO Sabah iaitu Andy Muhammad Suryady (Tanjung Batu) turut mendapat tempat dalam barisan kabinet kerajaan negeri sebagai Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah. Ini membuktikan, wakil rakyat yang defeksi biasanya bertujuan untuk mendapatkan kedudukan atau keuntungan tertentu. Jika mereka tidak ditawarkan dalam lantikan eksekutif sebagai contohnya menteri, kemungkinan untuk berlakunya defeksi legislatif adalah tinggi, terutamanya apabila mendapat tawaran menarik dari parti lain.<sup>55</sup>

Keretakan dalaman parti politik sampai ke kemuncaknya apabila UMNO Sabah melalui keputusan Lembaga Disiplin UMNO Pusat telah membuat keputusan Shahelmey dan Andy digantung keahlian selama 6 tahun manakala James, Arsad dan Jasnih dibuang dari parti.<sup>56</sup> Sedikit berbeza dengan Yusof Yacob memandangkan keahlian beliau belum diluluskan UMNO dan telah

melompat pula ke GRS yang menyebabkan tiada tindakan apa-apa dikenakan terhadapnya. Tindakan beralih sokongan ini dibuat berdasarkan kepada keputusan yang diperoleh oleh sesuatu puak tidak memenuhi keinginan mereka, puak tersebut mungkin akan meninggalkan parti dan menyertai parti lain atau bertanding secara bebas.<sup>57</sup>

Jadual 2: Kronologi Peristiwa Utama Politik UMNO di Sabah

Tarikh/ Tempoh	Aktor	Parti	Tindakan	Kesan
1986	Pairin Kitingan	PBS	Enakmen anti-lompat parti diperkenal	ADUN perlu kosongkan kerusi sekiranya pindah parti
1991	Tun Ghafar Baba, Tun Mustapha	USNO UMNO	UMNO masuk Sabah Ahli USNO pindah UMNO	UMNO jadi parti utama dalam BN Sabah
1994	Sakaran Dandai, Pairin Kitingan	UMNO PBS	PRN Sabah: BN menang 23/48; defeksi ADUN PBS lompat sokong BN	BN bentuk kerajaan  Kes Nordin Salleh (Kelantan) jadi precedent batalkan enakmen
1995	Tun Mustapha, ADUN USNO	UMNO USNO	Tun Mustapha kosongkan kerusi Usukan, bertanding atas tiket UMNO- Menang, Mansuhkan enakmen anti-lompat parti; 11 ADUN USNO ke UMNO	Legitimasi lompat parti di Sabah; Kesan domino bermula terhadap UMNO
2003-2018	Musa Aman	UMNO BN	Musa Aman Ketua Menteri 6 Penggal	Kukuhkan hegemoni UMNO Sabah
2018 (PRU ke-14)	Musa Aman, Shafie Apdal	UMNO Warisan UPKO	Keputusan DUN 29-29; Musa angkat sumpah KM; UPKO keluar BN sokong Warisan; Shafie Angkat sumpah KM	Warisan bentuk kerajaan; Semua ADUN UMNO keluar parti kecuali Musa Aman
Julai 2020	Musa Aman, Shafie Apdal	UMNO Warisan PPBM	'Langkah Sheraton'- federal. Muhyidin PM baharu -Musa kumpul SD majoriti; Shafie bubar DUN	PRU DUN ke-16 diadakan
Sept 2020 PRU DUN ke-16	Hajiji Noor, Bung Moktar	PN BN	PN+BN menang. Hajiji KM, Bung TKM 1	UMNO (BN) kerjasama PN -federal dan Sabah
2022 (PRU ke-15)		GRS BN PH	GRS sertai Kerajaan Perpaduan Anwar Ibrahim	PN-GRS berpecah ; ADUN PPBM Sabah masuk Gagasan

## Sistem Parti dan Kesan Domino Pemansuhan Enakmen Anti-Lompat Parti

Jan 2023	Bung Moktar, Shahelmey, Hajiji Noor	UMNO GRS Warisan	'Langkah Kinabalu' – Bung tarik sokong dari GRS; 5 defeksi ADUN UMNO pro-GRS kekal	UMNO Sabah berpecah dua faksi; ADUN UMNO pro-GRS dilantik Menteri / Pembantu Menteri
Apr 2023	Shahelmey, James Ratib, Arsad, Jasnih, Andy	UMNO	Lembaga Disiplin UMNO; Gantung dan Pecat ADUN UMNO pro-GRS	UMNO Sabah menghadapi defeksi; ADUN UMNO pro-GRS kekal dalam kerajaan
Mei 2023	DUN Sabah	Semua	Lulus pindaan Perlembagaan Sabah (anti-lompat parti)	Hadkan defeksi ADUN; kawal kestabilan politik Sabah

Sumber: Ilustrasi pengkaji berdasarkan peristiwa utama politik di Sabah.

Fenomena yang terjadi pada pasca PRU ke-14, 'Langkah Sheraton', pasca PRU ke-15 dan kesannya terhadap defeksi ADUN Sabah boleh di definisikan sebagai *Legislative Party Switching*. Parti legislatif merupakan asas utama kepada pembentukan eksekutif kerana kabinet dibentuk daripada badan perundangan dan kelangsungan pemerintahannya bergantung pada sokongan berterusan legislatif.<sup>58</sup> Oleh itu perubahan sokongan dan kerjasama kepada penolakan oleh UMNO Sabah pasca PRU ke-15 akan memberikan kesan terhadap kestabilan politik GRS sekiranya tiada perpecahan dalaman dan defeksi dari ADUN UMNO. Kabinet GRS berjaya dibentuk semula dengan sokongan sebilangan dari ADUN UMNO kumpulan B. Amalan bertukar sokongan ADUN dari parti induk kepada parti lain boleh dianggap juga sebagai menyokong parti lain untuk kekal berkuasa. Ia juga boleh dikategorikan sebagai *legislative party switching* walaupun selepas itu terdapat sebilangan dari ADUN UMNO telah keluar parti dan masuk ke parti Gagasan. Sebenarnya, amalan pertukaran parti dalam kalangan ahli legislatif berpotensi mempengaruhi representasi demokratik. Parti legislatif yang stabil antara satu pilihan raya dengan pilihan raya yang berikutnya membantu pengundi menilai prestasi penyandang secara retrospektif serta membuat keputusan pospektif terhadap calon legislatif.<sup>59</sup> Kejadian ini juga merepresentasikan konflik dalaman UMNO Sabah di mana pengundi akan keliru terhadap pilihan calon legislatif mereka pada masa akan datang. Walaupun saiz parti legislatif lebih penting iaitu semakin banyak ADUN sesuatu parti semakin kurangnya kejadian bertukar parti, namun kes di Sabah berbeza memandangkan ia melibatkan kepada *Hung State Assembly*.

Setelah keadaan telah stabil, kerajaan gabungan GRS telah mengambil pendekatan untuk membuat pindaan semula enakmen anti-lompat parti ini. Akhirnya DUN Sabah telah meluluskan semula Rang Undang-Undang (RUU) pindaan 2023 Perlembagaan Negeri Sabah bagi melarang ADUN bertukar parti melalui dua pengundian belah bahagian untuk Fasal 2 berkaitan pindaan Perkara 6 Perlembagaan Sabah dan pengundian bacaan ketiga RUU.<sup>60</sup> Dengan ini, aktiviti defeksi ADUN untuk berpindah ke parti lain dapat ditangani dan tidak dinormalisasikan lagi. Perkara ini akan meredakan sementara kemelut politik di Sabah namun perubahan boleh berlaku sekiranya terdapat ADUN yang dipimpin secara kolektif oleh seorang Ketua Menteri berusaha mengubahnya semula pada masa hadapan.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa ketiadaan sekatan institusi boleh meningkatkan keinsentifan defeksi terutama kepada ahli legislatif apabila pusat penaungan berubah sejak 2018 (Pasca RU ke-14), 2020 (Pembubaran kabinet Warisan dan PRU DUN ke-16), 2022 (PRU ke-15) dan 2023 (langkah kinabalu). Pengaruh UMNO mula merosot selepas PRU ke-14, terutamanya di Sabah di mana parti ini kehilangan kubu kuatnya kepada parti Warisan. PRU DUN ke-16 tahun 2020 menyaksikan gabungan BN-GRS mengalahkan semula Warisan dan berjaya membentuk kerajaan negeri, namun konflik dalaman UMNO Sabah muncul pasca PRU ke-15 apabila parti itu cuba mengambil alih kepimpinan negeri daripada GRS sehingga menyebabkan perpecahan dalaman parti di kalangan ADUN UMNO Sabah berlaku. Perpecahan ini akhirnya menyebabkan UMNO Sabah menjadi parti pembangkang malah dibuktikan dengan susunan semula kerusi UMNO bersama Warisan di DUN. Ia berjaya membuktikan bahawa kesan domino melalui pemansuhan enakmen anti-lompat parti telah mempengaruhi konflik dalaman UMNO Sabah pada kedua-dua pasca PRU ini. Dengan lulusnya RUU tahun 2023 yang telah berkuat kuasa di Sabah, maka terhentilah kesan domino ADUN melompat atau menyokong parti yang tidak sehaluan dengan kehendak pimpinan partinya. Oleh itu, undang-undang anti-lompat parti ini penting untuk meningkatkan kestabilan politik serta memastikan keyakinan awam terhadap sistem pilihan raya.<sup>61</sup>

Terdapat banyak lagi ruang untuk pengkaji akan datang membuat penyelidikan terhadap aspek faktor lain yang menyebabkan konflik dalaman UMNO Sabah ini berlaku. Ruang untuk menganalisis, perbincangan lanjut dan mengemukakan kesimpulan mengenai *party system closure*, institusionalisasi parti dan kesan domino dari pemansuhan enakmen anti-lompat parti ini berjaya membuktikan bahawa ia menjadi satu faktor kepada konflik dalaman parti ini berlaku. Walaupun dari segi moral di dalam parti, ia dilihat sebagai satu pengkhianatan namun disebabkan ia sah dari segi undang-undang maka keputusan untuk menolak arahan kepimpinan negeri boleh dilakukan. Selain itu, kes konflik dalaman UMNO Sabah ini boleh dijadikan contoh kepada konflik dalaman parti politik lain di negeri lain di Malaysia, sekiranya undang-undang anti-lompat parti tidak dilaksanakan. Makalah ini menekankan pentingnya memahami konflik dalaman parti berlaku disebabkan tindakan masa lalu yang memberi kesan kepada masa kini. Kegagalan mempraktikkan, kerap membuat pindaan atau memansuhkan perundangan yang terkait anti-lompat parti ini boleh menyebabkan lebih banyak perpecahan, kehilangan kepercayaan pengundi dan melemahkan lagi strategi parti untuk bersedia menghadapi pilihan raya yang akan datang.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Penyelia serta Universiti Putra Malaysia (UPM) di atas peluang menuntut ilmu sebagai seorang pelajar pasca siswazah Ijazah Kedoktoran dan penulisan ini dilakukan untuk memenuhi syarat yang telah ditetapkan bagi memperoleh Ijazah Kedoktoran tersebut.

## Nota

<sup>1</sup> Funston, J., *From Hidup Melayu to Ketuanan Melayu*, 2018.

<sup>2</sup> "Malaysia's grand old party eyes a comeback", *The Economist*, 10 November 2022, <https://www.economist.com/asia/2022/11/10/malysias-grand-old-party-eyes-a-comeback>.

## Sistem Parti dan Kesan Domino Pemansuhan Enakmen Anti-Lompat Parti

- <sup>3</sup> Lua Zyn Lan, Sivachandralingam Sundara Raja, & Noraini Mohamed Hassan, *Strategi perjuangan parti Malaysian Chinese Association (MCA) dalam masyarakat Cina, 1958-1969*, 2024.
- <sup>4</sup> Funston, J., 2018.
- <sup>5</sup> Hamdan Aziz, *USNO dan BERJAYA: Politik Sabah*, 2015.
- <sup>6</sup> Funston, J., 2018.
- <sup>7</sup> Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. v Nordin Salleh & Anor., 1 MLJ 697, 1992.
- <sup>8</sup> Welsh, B., *Malaysia's fallen hero: UMNO's weakening political legitimacy. Strategic Information and Research Development Centre*, 2018.
- <sup>9</sup> Funston, J., 2018.
- <sup>10</sup> "KM Sabah: LDP Chong ganti Osu", *Malaysia Kini*, 16 Mac 2001, <https://www.malaysiakini.com/news/1261>.
- <sup>11</sup> "Musa Aman Ketua Menteri Sabah paling lama, luas pengalaman," *Bernama*, 17 Disember 2024, <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2374439>.
- <sup>12</sup> Mohd Noor Yazid, *Keputusan kerusi Parlimen negeri Sabah Pilihan Raya Umum ke-14: Satu analisis*, 2020.
- <sup>12</sup> Virgilio, Aldo., Giannetti, D., & Pinto, L., *Patterns of party swithing in the Italian Chamber of Deputies 2008-2011*, 2012.
- <sup>14</sup> "Konflik", Kamus Dewan dan Bahasa Online, t.t.
- <sup>15</sup> Che Abdullah Che Ya, *Gambaran konflik politik dalam kalangan masyarakat Sabah*, 2016.
- <sup>16</sup> Jehn, A. Karen., & Bendersky, C., *Intragroup conflict in organizations: A contingency perspective on the conflict-outcome relationship*, 2003.
- <sup>17</sup> Haber, M., *The legislative consequences of internal conflict and inter-party divisions*, 2015.
- <sup>18</sup> Chiru, M., *Clientelism, party organization and intra-party democracy*, 2024.
- <sup>19</sup> Ceron, A., *Intra-party Politics and Party System Factional Conflict within Italian Parties*, 2012.
- <sup>20</sup> Gherghina, S., Close, C., & Kopecky, P., *The dynamics and dimension of intra-party conflict: Introduction to the special issue*, 2019.
- <sup>21</sup> Pedersen, H.H., *How intra-party power relations affect the coalition behaviour of political parties*, 2024.
- <sup>22</sup> Ceron, A., 2012.
- <sup>23</sup> "DUN Sabah: Kedudukan berubah, Bung Moktar di blok pembangkang," *Astro Awani*, 10 Januari 2023, <https://www.astroawani.com/berita-politik/dun-sabah-kedudukan-berubah-bung-moktar-di-blok-pembangkang-401157>.
- <sup>24</sup> Hershan, Muhammad Izwan, & Ku Mohd Amir, *Navigating party loyalty and party hopping in Malaysia through Nordin Salleh and Khaliq Mehtab's cases*, 2023.
- <sup>25</sup> Saiyid Radzuwan Syed Sopi, *Kuasa dan strategi berpolitik dalam Pilihan Raya Kecil: Antara status quo, calon atau parti*, 2024
- <sup>26</sup> Hamdan Aziz, 2015.
- <sup>27</sup> "Bukan pertama kali Sabah ada snap election," *Malaysia Gazette*, 2 Ogos 2020, <https://malaysiagazette.com/2020/08/02/bukan-pertama-kali-sabah-ada-snap-election>.
- <sup>28</sup> Ibid.
- <sup>29</sup> Tiung, L.K., & Rizal Zamani Idris, *Political stability and Sabah security interest: An overview from a communication perspective*, 2022.
- <sup>30</sup> Hamdan Aziz, 2015.
- <sup>31</sup> "RUU Perlembagaan (Pindaan No. 3) 2022", Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, 2022.
- <sup>32</sup> "Umno, BN tarik balik sokongan kepada Hajiji, umum Bung Moktar," *The Malaysia Insight*, 6 Januari 2023, [https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/421708?utm\\_source=chatgpt.com](https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/421708?utm_source=chatgpt.com)
- <sup>33</sup> Mainwaring, S., & Torcal, M., *Party System Institutionalization and party system theory after the third wave of democratization*, 2005.
- <sup>34</sup> Mainwaring, S., & Torcal, M., 2005.

- <sup>35</sup> Sartori, G., *Parties and Party Systems: A Framework for Analysis*, 1976.
- <sup>36</sup> Bertoa, C.F., & Enyedi, Z., *Party system closure and openness: Conceptualization, operationalization and validation*, 2016.
- <sup>37</sup> Bertoa, C.F., & Enyedi, Z., 2016.
- <sup>38</sup> Mair, P., *Party Systems and Structures of Competition*, 1996.
- <sup>39</sup> Mair, P. 1996.
- <sup>40</sup> Baldwin, R.E., *A Domino Theory of Regionalism*, 1993.
- <sup>41</sup> Yergin, H., *Does Brexit would cause Domino Effect on other European Union Countries? Is it the end of regional integrations*, 2016.
- <sup>42</sup> Ravenhill, J., *The New East Asian regionalism: A political Domino Effect*, 2010.
- <sup>43</sup> Leeson, T. Peter., & Dean, M. Andrea., *The Democratic Domino Theory: An Empirical Investigation*, 2009.
- <sup>44</sup> “Mengimbau krisis kewangan Asia 1997,” *Ekonomi Rakyat*, t.t, <https://ekonomirakyat.com.my/mengimbau-krisis-kewangan-asia-1998/>.
- <sup>45</sup> Heller, W.B., & Mershon, C., *Party Switching in the Italian Chamber of Deputies, 1996-2001*, 2005.
- <sup>46</sup> “Mengapa pelantikan Musa Aman jadi kontroversi,” *Malaysia Kini*, 19 Disember 2024, <https://www.malaysiakini.com/news/729419>.
- <sup>47</sup> Mohd Irwan Syazli Saidin, *Malaysia’s crisis of political legitimacy: Understanding the 2020 power transition and ‘Sheraton Move’ polemics through the ‘eyes’ of Malaysian political science graduates*, 2023.
- <sup>48</sup> “Musa Aman dakwa raih majoriti mudah bentuk kerajaan baru di Sabah,” *FMT*, 29 Julai 2020, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/07/29/musa-aman-dakwa-raih-majoriti-mudahbentuk-kerajaan-baru-di-sabah/>.
- <sup>49</sup> “Shafie: YDP perkenan bubar DUN, pengundi putuskan antara saya atau Musa,” *Malaysia Kini*, 30 Julai 2020, <https://www.malaysiakini.com/news/536737>.
- <sup>50</sup> Wong, C.H., *Introduction: Hung parliament, coalition government and the rise of the Islamists – Malaysia after the 2022 election*, 2023.
- <sup>51</sup>. “Langkah Kinabalu’ gagal, cubaan jatuhkan Hajiji tak menjadi,” *BHonline*, 5 Jan 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1048155/langkah-kinabalu-gagal-cubaan-jatuhkan-hajiji-tak-menjadi>.
- <sup>52</sup> Wong, C.H., 2023.
- <sup>53</sup> Ahmad Zahid Hamidi. 2020. Kenyataan media Pengerusi Barisan Nasional. 28 September. <https://umno.org.my/wp-content/uploads/2020/09/BARISAN-NASIONAL-MALAYSIA-2.pdf>.
- <sup>54</sup> “Lima ADUN BN sokong Hajiji sebagai Ketua Menteri,” *Bernama*, 7 Januari 2023, <https://bernama.com/bm/news.php?id=2154214>
- <sup>55</sup> Noor Hishmuddian Rahim, Mohammed Feizol Anuar Ayub, Mohd Radzi Hamid, Ahmad Saifuddin Talha, Farizal Myeor, Mohd Najib Saad, Mohd Zaki Abu, & Hamidi Hashim, *Krisis perlembagaan Perak 2009 dan kesan terhadap perpaduan nasional*, 2020.
- <sup>56</sup> “Tiga ADUN Sabah dipecat daripada UMNO,” *Sinar Harian*, 9 April 2023, <https://www.sinarharian.com.my/article/253698/berita/politik/tiga-adun-sabah-dipecat-daripada-umno>.
- <sup>57</sup> Cheron, A., 2012.
- <sup>58</sup> Mershon, C., *Legislative Party Switching*, 2014
- <sup>59</sup> Mershon, C, 2014
- <sup>60</sup> “DUN Sabah lulus undang-undang lompat parti,” *BHonline*, 25 Mei 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1106051/dun-sabah-lulus-undang-undang-lompat-parti>.
- <sup>61</sup> Tiung, L.K., & Rizal Zamani Idris 2022.

## Rujukan

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid, & Noorulfahidzah Zawawi. 2023. "The interplay of race, religion and royalty in contemporary Malaysian politics." Dlm. *Discursive Approaches to Politics in Malaysia*, Asia in Transition, disunting oleh Rajandran, K., & Lee, C., 17-32. Gadong: Spinger.  
[https://doi.org/10.1007/978-981-19-5334-7\\_2](https://doi.org/10.1007/978-981-19-5334-7_2)
- Ahmad Zahid Hamidi. 2020. Kenyataan media Pengerusi Barisan Nasional (BN). 28 September.  
<https://umno.org.my/wp-content/uploads/2020/09/BARISAN NASIONAL -MALAYSIA-2.pdf>
- Asper, P., & Corte, U. 2019. "What is qualitative in qualitative research," *Qualitative Sociology* 42: 139-160.  
<https://doi.org/10.1007/s11133-019-9413-7>
- Astro Awani*. 2023. "DUN Sabah: Kedudukan berubah, Bung Moktar di blok pembangkang," Diakses 17 April 2025.  
<https://www.astroawani.com/berita-politik/dun-sabah-kedudukan-berubah-bung-moktar-di-blok-pembangkang-401157>
- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang*. 2022. "RUU Perlembagaan (Pindaan No. 3) 2022," Diakses pada 20 September 2025.  
[https://strapi.bheuu.gov.my/uploads/RUU\\_Perlembagaan\\_Pindaan\\_No\\_3\\_2022\\_BM\\_b64df7b81d.pdf#page=6.62](https://strapi.bheuu.gov.my/uploads/RUU_Perlembagaan_Pindaan_No_3_2022_BM_b64df7b81d.pdf#page=6.62)
- Baldwin, R.E. 1993. *A Domino Theory of Regionalism*, Nber Working Papers, no. w4465.
- Bernama*. 2023. "Lima ADUN BN sokong Hajiji sebagai Ketua Menteri," Diakses 11 April 2025.  
<https://bernama.com/bm/news.php?id=2154214>
- Bernama*. 2024. "Musa Aman Ketua Menteri Sabah paling lama, luas pengalaman," Diakses 11 April 2025.  
<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2374439>
- Bertoa, C.F., & Enyedi, Z. 2016. "Party system closure and openness: Conceptualization, operationalization and validation," *Party Politics* 22, no.3: 267-277.  
<https://doi.org/10.1177/1354068814549340>
- BHonline*. 2023a. "DUN Sabah lulus undang-undang lompat parti," Diakses 12 April 2025.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1106051/dun-sabah-lulus-undang-undang-lompat-parti>
- BHonline*. 2023b. "Langkah Kinabalu' gagal, cubaan jatuhkan Hajiji tak menjadi," Diakses 13 April 2025.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1048155/langkah-kinabalu-gagal-cubaan-jatuhkan-hajiji-tak-menjadi>
- Ceron, A. 2012. "Intra-party Politics and Party System Factional Conflict, Cooperation and Fission within Italian Parties," PhD thesis, Universita Degli Studi Di Milano.  
<https://www.academia.edu/1549092/>
- Che Abdullah Che Ya. 2016. "Gambaran konflik politik dalam kalangan masyarakat Sabah," *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 12, no.11: 16-28.
- Chin, J. 2018. "From Ketuanan Melayu to Ketuanan Islam: UMNO and the Malaysian Chinese." Dlm. *The End of UMNO?: Essays on Malaysia's Former Dominant Party – New and Expanded Post GE-14 Edition*, disunting oleh Welsh, 255-296. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

- Chiru, M. 2024. "Clientelism, party organization and intra-party democracy," *Comparative Political Studies* 58, no. 4: 1-34.  
<https://doi.org/10.1177/00104140241252082>
- Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. v Nordin Salleh & Anor., 1992. 1 MLJ 697.  
*Ekonomi Rakyat*. t.t. "Mengimbuai krisis kewangan Asia 1997," Diakses 15 April 2025.  
<https://ekonomirakyat.com.my/mengimbuai-krisis-kewangan-asia-1998/>
- FMT. 2020. "Musa Aman dakwa raih majoriti mudah bentuk kerajaan baru di Sabah," Diakses 18 April 2025.  
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/07/29/musa-aman-dakwa-raih-majoriti-mudah-bentuk-kerajaan-baru-di-sabah/>
- FMT. 2024. "UMNO pusat tolak autonomi negeri tentu rakan politik PRN, dedah Rahman," Diakses 17 April 2025.  
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/07/02/umnopusat-tolak-autonomi-negeri-tentu-rakan-politik-prn-dedah-rahman/>
- Funston, J. 2018. "UMNO – From Hidup Melayu to Ketuanan Melayu." Dlm *The End of UMNO?: Essays on Malaysia's Former Dominant Party – New and Expanded Post GE-14 Edition*, disunting oleh Welsh, 29-164. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Gherghina, S., Close, C., & Kopecky, P. 2019. "The dynamic and dimension of intra-party conflict: Introduction to the special issue," *Sage Journals* 25, no. 5: 1-6.  
<https://doi.org/10.1177/1354068819836048>
- Haber, M. 2015. "The legislative consequences of internal conflict and inter-party divisions," *Research and Politics*: 1-8.  
<https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/2053168015589216>
- Hamdan Aziz. 2015. *USNO dan BERJAYA: Politik Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heller, W. B. and Mershon, C. 2005. "Party Switching in the Italian Chamber of Deputies, 1996-2001," *Journal of Politics* 67: 536-559.
- Heller, W. B., & Mershon, C., 2009. "Legislator Preferences, Party Desires: The Impact of Party Switching on Legislative Party Positions", dalam *Political Parties and Legislative Party Switching*, disunting oleh Heller, W.B., & Mershon, C., 173-99. New York: Palgrave Macmillan.
- Hershan, Muhammad Izwan, & Ku Mohd Amir. 2023. "Navigating party loyalty and party hopping in Malaysia through Nordin Salleh and Khaliq Mehtab's cases," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 8, no. 10: 1-10.
- ibid. t.t. "Lampiran B," Diakses 3 April 2025.  
[http://203.217.178.130/pdf/RUU Perlembagaan/LAMPIRAN%20B.pdf](http://203.217.178.130/pdf/RUU%20Perlembagaan/LAMPIRAN%20B.pdf)
- Jehn, A. Karen., & Bendersky, C. 2003. "Intragroup conflict in organizations: A contingency perspective on the conflict-outcome relationship," *Research in Organizations Behavior*, no: 25: 187-242.  
[https://doi.org/10.1016/S0191-3085\(03\)25005-X](https://doi.org/10.1016/S0191-3085(03)25005-X)
- Kamus Dewan Edisi Keempat. t.t. "Parti politik," *Dewan Bahasa dan Pustaka Online*. Diakses 20 Feb 2025.  
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=partipolitik>
- Klingelhofer, T., & Muller, J. 2024. "When do voters perceive intra-party conflict? A democratic life cycle perspective," *European Political Science Review* 16: 207-224.  
<https://doi.org/10.1017/S1755773923000243>

- Ku Hasnan Ku Halim, Ahmad Mujahid Ahmad Zaidi, Shamsulkhairi Md Salleh, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, & Jamal Rizal Razali. 2024. "Perang bangsawan politik di Malaysia: Satu naratif ringkas terhadap UMNO," *Human Sustainable Procedia* 4, no. 2: 41-47.
- Kyoto Review of Southeast Asia. 2025. "Changing Governments without Elections: Subverting Voter Choice in Malaysia," Diakses 18 September 2025.  
<https://kyotoreview.org/issue-40/subverting-voter-choice-in-malaysia/>
- Lee, D. S., Casal Bértoa, F., & Adeney, K. 2024. "Gullimair travels east: drivers of party system institutionalization in Asia in comparative perspective," *Political Research Exchange* 6, No. 1: 1-26.  
<https://doi.org/10.1080/2474736X.2024.2413525>
- Leeson, T. Leeson., & Dean, M. Andrea. 2009. "The Democratic Domino Theory: An Empirical Investigation," *American Journal of Political Science* 55, no. 3: 533-551.
- Lua Zyn Lan, Sivachandralingam Sundara Raja, & Noraini Mohamed Hassan. 2024. "Strategi perjuangan parti Malaysian Chinese Association (MCA) dalam masyarakat cina, 1958-1969," *Journal of History Department, University Malaya* 33, no. 1: 175-193.  
<https://doi.org/10.22452/sejarah.vol33no1.9>
- Mainwaring, S., & Torcal, M. 2005. *Party system institutionalization and party system theory after the third wave of democratization*. Helen Kellogg Institute for International Studies Working Papers.  
<https://doi.org/10.7274/26126164>
- Mair, P. 1996. "Party Systems and Structures of Competition." In *Comparing Democracies: Elections and Voting in Global Perspectives*, disunting oleh LeDuc, L. Niemi, R.G., & Norris, P., 83-106. London: Sage.
- Malaysia Gazette*. 2020. "Bukan pertama kali Sabah ada snap election," Diakses 5 April 2025.  
<https://malaysiagazette.com/2020/08/02/bukan-pertama-kali-sabah-ada-snap-election/>
- Malaysia Gazette*. 2023. "Lima ADUN UMNO Sabah umum keluar parti, sertai GRS," Diakses 4 April 2025.  
<https://malaysiagazette.com/2023/02/21/lima-adun-umno-sabah-umum-keluar-parti-sertai-grs/>
- Malaysia Kini*. 2001. "KM Sabah: LDP Chong ganti Osu," Diakses 14 April 2025.  
<https://www.malaysiakini.com/news/1261>
- Malaysia Kini*. 2020. "Shafie: YDP perkenan bubar DUN, pengundi putuskan antara saya atau Musa," Diakses 16 April 2025.  
<https://www.malaysiakini.com/news/536737>
- Malaysia Kini*. 2024. "Mengapa pelantikan Musa Aman jadi kontroversi," Diakses 19 April 2025.  
<https://www.malaysiakini.com/news/729419>
- Maor, M. 1998. "*Parties, Conflicts and Coalitions in Western Europe*," Organisational Determinants of Coalition Bargaining. London: Routledge.
- Mershon, C. 2014. "Legislative Party Switching." dalam *The Oxford Handbook of Legislative*, disunting oleh Shane Martin, Thomas Saalfeld, & Kaare W. Strøm, 418-435. Oxford University Press *Studies*.  
<https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199653010.013.0015>
- Mohd Irwan Syazli Saidin. 2023. "Malaysia's crisis of political legitimacy: Understanding the 2020 power transition and 'Sheraton Move' polemics through the 'eyes' of Malaysian political science graduates," *Cogent Social Sciences* 9, no. 1: 1-18.  
<https://doi.org/10.1080/23311886.2023.2222572>

- Mohd Noor Yazid. 2020. "Keputusan kerusi Parlimen negeri Sabah Pilihan Raya Umum Ke-14: Satu analisis," *Malaysian Journal of Social Science and Humanities* 5, No.4: 8-18.
- Muhamad Nadzri Mohd Noor. 2022. "UMNO dan Politik Identiti Pasca PRU-14, 2018-2022," *Jurnal Wacana Sarjana* 6, no. 4: 1-14.
- New Straits Times*. 2023. "Sabah anti-party hopping laws should also apply to nominated assemblymen," Diakses 5 April 2025.  
[https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/915529/sabah-anti-party-hopping-laws-should-also-apply-nominated-assemblymen#google\\_vignette](https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/915529/sabah-anti-party-hopping-laws-should-also-apply-nominated-assemblymen#google_vignette)
- Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod. 2023. "Editorial," *Journal of Malaysian Parliament* 3, v-xii.  
<https://journalmp.parlimen.gov.my/jurnal/index.php/jmp/article/view/114/50>
- Noor Hishmuddin Rahim, Mohammed Feizol Anuar Ayub, Mohd Radzi Hamid, Ahmad Saifuddin Talha, Farizal Myeor, Mohd Najib Saad, Mohd Zaki Abu, & Hamidi Hashim. 2020. "Krisis perlembagaan Perak 2009 dan kesan terhadap perpaduan nasional," *Zulfaqar: Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*: 66-73.  
<https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/article/view/49>
- Ostwald, K., & Muhamad Nadzri Mohd Noor. 2023. "Malaysia in 2022," *Asian Survey* 63, no. 2: 291-300.  
<https://doi.org/10.1525/as.2023.63.2.291>
- Pedersen, H.H. 2010. "How intra-party power relations affect the coalition behaviour of political parties," *Party Politics* 16, no. 6: 737-754.  
<https://doi.org/10.1177/1354068809345855>
- Ravenhill, J. 2010. "The 'New East Asian Regionalism': A Political Domino Effect," *Review of International Political Economy* 17, no. 2: 178-208.  
[doi:10.1080/09692290903070887](https://doi.org/10.1080/09692290903070887)
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. 2024. "Kuasa dan strategi berpolitik dalam Pilihan Raya Kecil: Antara status quo, calon atau parti," *Advance in Humanities and Contemporary Studies* 5, no. 3: 72-81.  
<https://doi.org/10.30880/ahcs.2024.05.03.008>
- Sartori, G. 1976. *Parties and Party Systems: A Framework for Analysis*. New York and Cambridge: Cambridge University Press
- Sinar Harian*. 2023a. "Tiga ADUN Sabah dipecat daripada UMNO," Diakses 12 April 2025.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/253698/berita/politik/tiga-adun-sabahdipecat-daripada-umno>
- Sinar Harian*. 2023b. "Ada formula selesai isu politik Sabah – Ahmad Zahid," Diakses 12 April 2025.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/239595/berita/politik/ada-formula-selesai-isu-politik-sabah---ahmad-zahid>
- Sinar Harian*. 2024. "[Kronologi] Kes rasuah Bung Moktar, Zizie Izette," Diakses 13 April 2025.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/697166/berita/semasa/kronologi-kes-rasuah-bung-moktar-zizie-izette>
- Syarifah Nursyahidah Syed Annuar, & Azwan Ahzran Perman. 2023. "Pilihan Raya Umum Ke-15 di Sabah: Isu, Trend dan Cabaran," *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50, no. 2: 200-223.  
<https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.07>
- The Economist*. 2022. "Malaysia's grand old party eyes a comeback," Diakses 15 April 2025.  
<https://www.economist.com/asia/2022/11/10/malaysias-grand-old-party-eyes-a-comeback>

- The Malaysian Insight*. 2023. "Umno, BN tarik balik sokongan kepada Hajji, umum Bung Moktar," Diakses 19 September 2025.  
[https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/421708?utm\\_source=chatgpt.com](https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/421708?utm_source=chatgpt.com)
- Tiung, L.K., & Rizal Zamani Idris. 2022. "Political stability and Sabah security interest: An overview from a communication perspective," *The Journal of Defence and Security* 16, no. 1: 21-32.
- Virgilio, Aldo., Giannetti, D., & Pinto, L. 2012. "Patterns of party swithing in the Italian Chamber of Deputies 2008-2011," *Italian Political Science Review* 42, no. 1: 29-58.
- Washida, H. 2023. "Voting Behaviour after the Collapse of a Dominant Party Regime in Malaysia: Ethno-Religious Backlash or Economic Grievances?," *The Round Table* 112, No. 3 : 249-272.  
<https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219524>
- Welsh, B. 2018. "Malaysia's fallen hero: UMNO's weakening political legitimacy. Strategic Information and Research Development Centre," Dlm. *The End of UMNO?: Essays on Malaysia's Former Dominant Party – New and Expanded Post GE-14 Edition*, disunting oleh Welsh, 305-344. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Wong, C.H. 2023. "Introduction: Hung parliament, coalition government and the rise of the Islamists – Malaysia after the 2022 election," *Routledge* 112, no. 3: 207-212.  
<https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219522>
- Yeoh, T. 2020. "The rise and fall of State Government in Malaysia: Institutions, Constitutions and political alignment," *Yusof Ishak Institute*.  
[https://www.triciayeoh.com/wpcontent/uploads/2020/11/ISEAS\\_Perspective\\_2020\\_103\\_TY.pdf](https://www.triciayeoh.com/wpcontent/uploads/2020/11/ISEAS_Perspective_2020_103_TY.pdf)
- Yergin, H. 2016. "Does Brexit would cause Domino Effect on other European Union Countries? Is it the end of regional integrations?," *International Journal of Humanities and Social Science Invention* 5, No.12: 102-108.